

KUALA LUMPUR, Jumaat — Harapan bagi Perjanjian Keenam Timah Antarabangsa (ITA) dikuatkuasakan buat sementara semakin cerah dengan persetujuan Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) untuk menyertai perjanjian tersebut, Menteri Pertambangan dan Tenaga Indonesia, Prof. Subroto berkata hari ini.

Bellau memberitahu para pemberita di sini, bagaimanapun EEC telah membayangkan kepadanya semasa lawatan ke Eropah baru-baru ini, persatuan itu ingin membuat perisytiharan semasa menandatangani perjanjian berkenaan bahawa ITA tidak harus membencarkan operasi spekulasi dalam pasaran.

Bellau berkata EEC tidak mahu sebarang fasal tambahan dimasukkan ke dalam perjanjian tersebut seperti yang dilaporkan baru-baru ini, tetapi hanya setakat mahu membuat perisytiharan itu.

Prof. Subroto berkata demikian setelah mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di pejabatnya untuk memberitahu mengenai hasil lawatannya ke Eropah baru-baru ini bagi menggesa negara-negara EEC menyertai ITA yang

SUBROTO JELAS HASIL LAWATAN

keenam serta penyertaannya di mesyuarat luar biasa terakhir Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) di Vienna.

Bellau berkata ITA keenam yang telahpun ditandatangani oleh Jepun, sebuah lagi negara pengguna utama, patut dikuatkuasakan buat sementara waktu tidak lama lagi jika negara-negara blok Soviet juga mengambil keputusan untuk menyertainya.

Perjanjian

Sebanyak 65 peratus dari negara-negara pengguna dan 65 peratus dari negara-negara pengeluaran mesti menyertai perjanjian itu menjelang 30 April jika perjanjian tersebut hendak dikuatkuasakan buat sementara.

Setakat ini, di pihak pengguna, hanya Jepun, Finland dan Norway dengan campuran sebanyak 17.57 peratus, telah menandatangani perjanjian itu.

Jumlah itu akan ditambah kepada 45 peratus bila negara-negara EEC menandatangani.

Oleh itu adalah penting bagi negara-negara komunis, dengan kadar 65 peratus yang dikehendaki dari pihak pengguna, menandatangani perjanjian itu.

Prof. Subroto berharap negara-negara blok komunis juga akan menyertai ITA.

"Menerusi saluran yang kami ambil untuk memujuk mereka, kami rasa mereka akan menyertai perjanjian itu," katanya.

Mengenal kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Australia, Encik Douglas Anthony, di sini baru-baru ini bahawa masih ada harapan Amerika Syarikat akan menyertai ITA keenam itu, bellau berkata: "Kami mengalu-alukan penyertaan Amerika Syarikat."

Bellau menambah, "Tetapi kami tidak akan meminta belas kasihan mereka untuk menyertainya."

Ditanya mengenai cadangan menubuhkan Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah memandangkan perkembangan terbaru itu, bellau berkata, negara-negara pengeluaran perlu bekerjasama seperti yang dilakukan di peringkat menteri dan lain-lain peringkat.

Bellau berkata, sejajar dengan keperluan berunding di kalangan negara pengeluaran, satu mesyuarat para menteri negara-negara Asean yang mengeluarkan bijih timah akan diadakan pada minggu kedua bulan Mei di Kuala Lumpur. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

2495
239/85